

PENDIDIKAN

Elak minggu orientasi jadi medan buli pelajar baharu

Pasti sukar digambar perasaan bercampur baur siswa baharu, yang melangkah ke dunia menara gading. Pada awal peringkat pengajian tertinggi ini, lepasan sekolah atau matrikulasi pasti menyemat harapan tinggi untuk berjaya, demi mencapai matlamat mempunyai kerjaya diharapkan selepas tamat pengajian.

Namun, harapan itu turut diiringi rasa gemuruh dan ketidak-tentuan lantaran mereka memakai gelaran siswa dan perlu serius pada peringkat pengajian sebegini.

Umum bersetuju bahawa pelajar baharu universiti awam perlu diberikan haluan dan bimbingan. Untuk itu, sejak bertahun dulu, pihak universiti menganjurkan minggu orientasi yang dinamakan sebagai minggu interaksi, mengantar haluan siswa atau minggu taaruf.

Penganjuran minggu orientasi biasanya diterajui Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan dibantu Majlis Perwakilan Mahasiswa, Persatuan Pelajar dan Jawatankuasa Kolej Mahasiswa.

Impak minggu orientasi

Minggu orientasi besar impaknya dalam menyuluh jalan tepat untuk diteladani siswa baharu bagi mengharungi dunia menara gading yang serba asing. Misalnya, aktiviti pengenalan kepada polisi dan peraturan universiti berperanan memandu arah siswa baharu mengenai hala tuju universiti.

Aktiviti debat antara siswa memberi panduan supaya mereka bijak mengolah dan mengu-

tarakan pendapat serta bangkangan. Aktiviti keagamaan seperti muzakarah, usrah dan perbincangan moral mengajak siswa berpegang teguh dengan panduan agama masing-masing.

Aktiviti kesukanan mencetus kepada gaya hidup sihat. Aktiviti kemasyarakatan pula menyerlahkan bahawa siswa mempunyai tanggungjawab terhadap perkembangan komuniti dan sosial.

Namun, kejayaan universiti mengadakan minggu orientasi yang sempurna, boleh tercalar jika ada anasir yang tidak memenuhi aspirasi universiti. Misalnya, program sampingan tidak rasmi dianjurkan siswa senior untuk menunjukkan 'senioriti' masing-masing dengan memaksa siswa baharu membasuh baju mereka, membuat sesuatu yang tidak masuk akal seperti meniup lampu kalimatang hingga padam dan memberi gelaran nama buruk kepada siswa baharu.

Ini mengaibkan dan dikhuatiri memberi impak negatif kepada

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my



Minggu orientasi bertujuan melahirkan siswa yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta berkeupayaan menyumbang ke arah pembangunan negara.

[GAMBAR HIASAN]

siswa baharu dari segi semangat belajar dan gaya berfikir. Perkara ini seterusnya akan menjadi budaya negatif yang dipraktikkan mereka kepada junior mereka kelak, lantaran sifat mahu membalas dendam.

Universiti dan Majlis Perwakilan Mahasiswa bertanggungjawab menghindar program tidak berasas ini.

Syor langkah kawalan

Sebagai langkah kawalan, sejak beberapa tahun kebelakangan, semua universiti awam mengemukakan kaedah pemilihan siswa senior untuk menjadi ahli jawatankuasa penganjur minggu orientasi siswa.

Asasnya, demi memastikan tidak wujud kes buli atau penganjuran aktiviti tidak relevan. Namun, ia mungkin tidak cukup dan pengawasan bersifat lebih menyeluruh dan total perlu dilaksanakan.

Beberapa cadangan boleh dijadikan pertimbangan universiti untuk memastikan kelancaran dan kemurnian minggu orientasi.

Pertama, universiti perlu mengambil tindakan terhadap pelajar senior yang didapati membuli pelajar baharu, bukan sahaja

dalam minggu orientasi bahkan pada sepanjang tempoh pengajian.

Ini dapat memberi pengajaran kepada semua siswa bahawa membuli satu kesalahan serius dan dilarang.

Kedua, pemilihan ahli jawatankuasa penganjur dan fasilitator dalam kalangan siswa perlu dilaksanakan dengan lebih teliti. Hanya mereka yang matang, serius, menunjukkan kepemimpinan dan berakhlak terpuji dipilih.

Ketiga, semua aktiviti sepanjang minggu orientasi perlu dikawal, dipantau dan diaudit bagi mengelak aktiviti bercanggah matlamat minggu orientasi.

Keempat, siswa baharu dibebaskan ruang seluasnya membuat aduan sekiranya berlaku aktiviti buli atau tidak relevan terhadap mereka sewaktu dan selepas minggu orientasi.

Ya akan menjadi satu bentuk jaminan bahawa universiti bertanggungjawab terhadap kebajikan mereka dan mereka tidak perlu gusar serta takut dengan apa-apa tindakan negatif senior.

Kelima, perlu ada mekanisme kawalan secara langsung terhadap semua aktiviti dilaksanakan

daripada pegawai universiti seperti Unit Hal Ehwal Pelajar dan Fakulti, Pengetua Kolej Kediaman, Pengurus dan Felo asrama.

Lahir graduan seimbang emosi, intelek

Semua pihak perlu ingat bahawa Falsafah Pendidikan Negara meletakkan justifikasi tinggi untuk melahirkan graduan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta berkeupayaan menyumbang ke arah pembangunan negara secara total.

Untuk itu, sekiranya anasir negatif wujud sejak minggu orientasi lagi, dikhuatiri matlamat melahirkan siswa diharapkan universiti akan terjejas. Jika minggu orientasi di universiti dijamin menepati sasaran keintelektualannya, maka sudah tentu semua pihak akan dapat menghela-nafas lega. Ia juga akan menambah keyakinan ibu bapa dan penjaga untuk melepaskan anak mereka hidup secara berdikari di menara gading, seterusnya berjaya mengenggam segulung ijazah.

Dr Khairunneezam Mohd Noor,
Pengerusi Majlis Pengetua Kolej Kediaman, USIM